

20 JUL 2000

Fadzil-Al-Ma'unah

PAS TAK DAPAT MENGESAHKAN ANGGOTANYA TERLIBAT DALAM AL-MA'UNAH

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Pas tidak dapat mengesahkan dakwaan beberapa pihak bahawa kebanyakan daripada anggota kumpulan Al-Ma'unah terdiri daripada anggota parti itu.

Presiden Pas Datuk Fadzil Noor berkata pengesahan itu tidak dapat dibuat kerana Pas tidak mempunyai data mengenai bilangan anggotanya yang menyertai sesuatu pertubuhan silat, khususnya Al-Ma'unah.

"Ini kerana semasa orang ramai mengisi borang bagi mendaftar sebagai ahli baru Pas, mereka tidak disyaratkan memberi maklumat mengenai penglibatan mereka dalam aktiviti di luar Pas," katanya pada sidang media di lobi Parlimen di sini hari ini.

Menurutnya, beliau berharap polis dapat menyerahkan kepada Pas senarai nama dan latar belakang semua anggota Al-Ma'unah bagi membolehkan parti itu membuat penyiasatan sama ada mereka anggota Pas atau sebaliknya.

"Kalau dia (polis) boleh bagi senarai anggota Al-Ma'unah, kita boleh bantulah untuk meneliti, tentu ada IC (kad pengenalan), kita boleh semaklah sama ada mereka ahli-ahli kita atau tidak," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bahawa kebanyakan daripada 1,800 anggota kumpulan Al-Ma'unah adalah anggota Pas.

Dr Mahathir berkata lambang-lambang Pas juga terdapat di tempat Al-Ma'unah.

Fadzil berkata penemuan lambang-lambang Pas di tempat Al-Ma'unah tidak boleh dijadikan sebagai bukti untuk menuduh anggota Pas terbabit dalam kumpulan itu.

"Lambang itu siapa-siapa pun boleh meletakkannya. Kalau seseorang itu hendak buat fitnah pada kita, dia boleh ambil lambang Pas dan letakkan di situ (tempat Al-Ma'unah)," katanya.

Pada 2 Julai, sekumpulan kira-kira 15 orang anggota kumpulan itu merompak lebih 100 senjata dan beribu-ribu peluru dari dua kem tentera di Gerik, Perak dan menahan empat tebusan ketika bersembunyi bersama-sama 13 lagi rakan mereka di Sauk kemudian.

Kumpulan itu telah membunuh dua daripada tebusan-tebusan itu sebelum menyerah diri kepada polis pada 6 Julai.

-- BERNAMA

NY NMO